

PERUTUSAN DARIPADA TIMBALAN
PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERTHANAN
DI PERAYAAN HARI ANGKATAN TENTERA
PADA 16 SEPTEMBER, 1966.

Hari Angkatan Tentera iaitu 16 September ialah satu hari yang bersejarah, kerana pada hari inilah mula-mulanya lahir konsep Angkatan Tentera Kebangsaan kita. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua ahli-ahli Angkatan Tentera kita kerana keazaman, taat setia dan keberanian mereka dalam menjalankan tugasnya bagi mempertahankan negara kita dan menjaga keamanan dan ketenteraman.

Tugas-tugas yang dijalankan oleh Angkatan Tentera kita adalah mendapat penghargaan yang tinggi daripada seluruh rakyat negeri ini. Oleh ini patut sangatlah bagi semua ahli-ahli Angkatan Tentera berasa bangga dan bersuka ria menyambut hari yang berbahagia ini. Pada tahun ini, Hari Angkatan Tentera adalah lebih meriah dan berbahagia lagi daripada masa-masa yang lampau kerana pada tahun ini kita menyambut hari yang bersejarah ini dalam keadaan yang aman damai disebabkan tamatnya konfrontasi yang didatangkan oleh Indonesia terhadap Malaysia itu. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subha-nahu-wata'ala, mudah-mudahan perdamaian di antara kita dengan Indonesia dan keamanan yang telah pulih kembali di negara kita ini akan kekal abadi. Akan tetapi, sambil kita berbangga dan bersuka ria disebabkan pulihnya keamanan di negara ini, kita hendaklah ingat bahawa masih ada lagi di negara kita ini, terutama sekali di wilayah Sarawak, anasir-anasir komunis yang telah dan sedang berusaha hendak merebut kuasa di negara kita ini dengan cara kekerasan dan hendak merosakkan keamanan dan ketenteraman serta hendak menghancurkan negara Malaysia yang kita kasihi ini. Dengan sebab itu mustahaklah kita meneruskan gerakan-gerakan bersama dengan Pasukan-Pasukan Polis bagi menghapuskan anasir-anasir komunis ini dengan secepat mungkin. Oleh itu kita terpaksa menempatkan tentera-tentera kita di Malaysia Timur dan

pada hari ini banyak daripada golongan ahli-ahli Angkatan Tentera kita tidak dapat bersama-sama dengan kita di sini meraikan Hari Angkatan Tentera kerana mereka berada di Malaysia Timur untuk menentang pencerobohan-pencerobohan komunis itu.

Semenjak kita mencapai Kemerdekaan, negara kita telah kerap kali menentang dugaan-dugaan dan ancaman-ancaman. Mula-mulanya pada tahun 1957 - pada masa kita mencapai Kemerdekaan - kita terpaksa menentang ancaman-ancaman daripada pihak komunis; kita telah berjaya menghapuskan ancaman-ancaman ini pada bulan Julai, 1960. Kemudian daripada itu - bulan September, 1963 - tiba pula konfrontasi daripada pemerintah Indonesia yang dahulu dengan dihasut oleh pihak Parti Komunis Indonesia. Kedua-dua dugaan itu telah dapat kita atasi dengan jayanya disebabkan ahli-ahli Angkatan Tentera kita dan Pasukan-Pasukan Keselamatan yang lain telah berjaya mempertahankan kedaulatan negara kita dengan gagah berani dan dengan penuh taat setia. Begitu juga kita telah mendapat bantuan-bantuan tentera daripada negara-negara sahabat kita dalam Komanwel. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan-Kerajaan Komanwel, Britain, Australia dan New Zealand yang telah member] pertolongan kepada kita bagi mempertahankan negara kita.

Seperti kita semua maklum, kemerdekaan, kebebasan dan keamanan adalah mempunyai nilai-nilai yang tinggi. Akan tetapi bagi menjaga dan mempertahankan perkara-perkara ini mustahaklah kita berkorban dan banyak daripada ahli-ahli Angkatan Tentera kita dalam masa yang lampau telah terkorban bagi mempertahankan negara kita. Pengorbanan mereka itu adalah dihargai setinggi-tingginya oleh bangsa dan negara dan kita berdo'a ke hadrat Tuhan mudah-mudahan Allah cucuri rahmat kepada mereka.

Dengan sebab adanya musuh-musuh yang disebutkan itu iaitu anasir-anasir komunis di negara kita ini, mustahaklah kita meneruskan rancangan hendak membesarkan Angkatan Tentera kita - Tentera-Tentera Darat, Laut dan Udara. Akan tetapi oleh sebab kita kekurangan wang dan dengan tamatnya konfrontasi, mustahaklah kita menumpukan segala usaha, tenaga dan wang ringgit ke dalam lapangan pembangunan. Maka tentera-tentera sukarela kita mustahaklah dikurangkan disebabkan dengan tamatnya konfrontasi mereka itu tidaklah lagi mempunyai tugas yang penting. Oleh itu

saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli tentera sukarela kita — Tentera-tentera Tempatan dan Tentera-tentera Pasukan Kawalan yang telah berkhidmat dengan cemerlangnya bagi menjaga dan mempertahankan negara kita.

Akhirnya saya ucapkan kepada tuan-tuan semua dalam Angkatan Tentera, Selamat Hari Angkatan Tentera dan Selamat Maju Jaya.

Sekianlah, Merdeka dan Berjaya!